

14/01/2001

Umno, Pas setuju bincang format mesyuarat

KUALA LUMPUR: Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob berkata, beliau dan rakan sejawatnya dari Pas, Nasharudin Mat Isa sudah mencapai persetujuan untuk mengadakan mesyuarat rasmi mengenai logistik dan format perbincangan mengenai perpaduan Melayu.

Beliau berkata Nasharudin menyatakan persetujuan agar mesyuarat itu diadakan secepat mungkin.

"Saya boleh sahkan yang saya sudah buat perhubungan awal dengan Setiausaha Agung Pas secara lisan," katanya pada sidang media selepas menghadiri sambutan Hari Raya Kementerian Penerangan di Angkasapuri, semalam.

Khalil yang juga Menteri Penerangan bagaimanapun, enggan mengulas lanjut sama ada perhubungan awal itu melalui telefon atau pertemuan empat mata.

Beliau berkata mesyuarat rasmi itu akan membincangkan mengenai tarikh, masa, tempat dan format perbincangan perpaduan Melayu sama ada membabitkan presiden saja atau delegasi.

"Lepas mesyuarat itu saya akan laporan balik kepada Biro Politik Umno yang dipengerusikan oleh Presiden parti (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad)," katanya.

Beliau berharap, Umno dapat menyediakan kemudahan logistik dan prasarana yang terbaik bagi memastikan perbincangan perpaduan Melayu dapat diadakan secara muhibah dan sebaiknya.

Dr Mahathir dalam surat bertarikh 2 Januari lalu, mempelawa Pas dan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) menyertai perbincangan perpaduan Melayu kerana berpendapat perpecahan yang berlaku sekarang terlalu ketara sehingga ia mempunyai kesan tidak baik bagi seluruh negara. Keadilan bagaimanapun menolak pelawaan itu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang juga Timbalan Presiden Umno pula, berkata apabila Dr Mahathir dan presiden Pas (Datuk Fadzil Noor) berjumpa, mereka boleh tentukan apa yang sebaik-baiknya untuk mengukuhkan perpaduan Melayu serta pendekatan yang layak diambil.

"Bila pemimpin berjumpa, macam-macam boleh diputuskan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri jamuan Aidilfitri Kementerian Dalam Negeri di sini semalam.

Sementara itu, di Yan, Kedah, Pas sudah menghantar surat rasmi kepada Umno semalam mengenai persetujuan untuk menghadiri perbincangan mengenai perpaduan Melayu.

Surat itu diserahkan oleh Setiausaha Agung Pas, Nasarudin Mat Isa kepada Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob.

Bagaimanapun, kata Nasharudin, perbincangan berhubung format, tempat, tarikh dan kaedah penyatuan Melayu hanya boleh diadakan, akhir bulan ini.

Ini kerana beliau berlepas ke London hari ini untuk tujuan tertentu dan akan pulang ke tanah air, selepas 21 Januari ini.

Nasarudin berkata, setakat ini, beliau sudah beberapa kali dihubungi Khalil bagi membincangkan tarikh pertemuan mereka, tetapi masih menunggu surat rasmi daripada Umno mengenai perkara berkenaan.

"Saya akan membawa hasil pertemuan dengan Setiausaha Agung Umno kepada Jawatankuasa Pas Pusat untuk dibincangkan bersama. Perbincangan penyatuan Melayu ini bukan perkara yang boleh dianggap mudah.

"Pas menganggap perbincangan penyatuan Melayu ini bukan setakat berkaitan Pas sebagai sebuah parti, malah sebagai sebuah organisasi dakwah," katanya selepas majlis sambutan Aidilfitri anjuran Dewan Muslimat

Pas Kedah, di Markas Pas Yan, di Guar Chempedak, dekat sini semalam.

Turut hadir Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dan Pesuruhjaya Pas Kedah, Azizan Abdul Razak.

Nasarudin berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Dr Mahathir Mohamad semalam, iaitu Majlis Tertinggi (MT) Umno bersetuju supaya Khalil berunding dengan Nasaruddin berhubung perkara berkenaan.

Menurut Dr Mahathir, MT bersetuju mengadakan pertemuan dengan Pas dengan tumpuan diberikan kepada aspek perpaduan Melayu terlebih dahulu.

(END)